

Negara kenang jasa tentera kita di Kongo

25 OCT 1985

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan hari ini merakamkan penghargaan khas kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang berkhidmat di Kongo pada 1960 sebagai sebahagian daripada pasukan damai Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perkhidmatan dan pengorbanan anggota tentera itu sentiasa tercatat dalam sejarah negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berucap demikian ketika merasmikan perayaan ulang tahun ke-40 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Bangunan Parlimen di sini.

Serentak itu, Perdana Menteri juga merakamkan penghargannya kepada semua agensi khas Bangsa-Bangsa Bersatu atas program teknikal, kebudayaan, sosial, sains dan teknologi kerana banyak membantu dan membawa manfaat kepada negara-negara anggota PBB.

Katanya, Malaysia juga menerima banyak faedah daripada agensi-agensi itu seperti bantuan teknikal dari Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), bantuan kesihatan dari UNICEF dan bantuan latihan kakitangan perubatan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Di samping itu, katanya, Unesco juga telah membantu negara ini melaksanakan beberapa projek sekolah, membekalkan kepakaran teknikal di bidang hidrologi dan sains serta membantu mengendalikan kajian mengenai kebudayaan Melayu di Asia Tenggara.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga menghargai bantuan Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian kerana usaha mereka menempatkan semula pelarian Vietnam ke negara ketiga.

"Kita juga berbangga dengan Tabung Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pengawalan Penyalahgunaan Dadah kerana memberi bantuan kewangan yang diperlukan oleh kita bagi membanteras kegiatan yang sekarang ini menjadi ancaman keselamatan utama

Di samping itu, kata Perdana Menteri, kerajaan juga bangga kerana dapat menghulurkan bantuan teknikal kepada beberapa negara kecil menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

"Kita berharap kerjasama dan bantuan setakat yang kita mampu ini akan memperkukuh lagi hubungan rapat antara negara-negara anggota terbabit," katanya.